

Cleo Will  
rencana@hmetro.com.my


Mungkin belum ramai mengetahui kewujudan Desa Dairy Farm yang lebih dikenali sebagai 'Desa Cattle Mesilou' kira-kira tiga kilometer dari pekan Kundasang dan 20 kilometer dari pekan Ranau, Sabah.

Ia kini menjadi destinasi pelancongan yang mempunyai daya tarikan dan keistimewaan tersendiri.

Bukan sahaja memberi ilmu pengetahuan baharu dan pengalaman berguna kepada pengunjung, malah pelbagai kenangan manis dapat dirakam di situ.

Menariknya, kenderaan pengunjung diwajibkan melalui atau menyeberangi laluan berair sedalam kira-kira satu kaki sebelum meneruskan perjalanan ke kawasan Desa Dairy Farm.

Mulanya, ramai tidak faham dan merungut kerana tindakan itu akan membasaikan tayar kenderaan sebelum perlu melalui jalan berhabuk untuk menuju bangunan pentadbiran, seterusnya kilang memproses susu segar tanah tinggi



**ANTARA lembu tenusu di Desa Cattle Mesilou**

dan ribuan hektar menempatkan ratusan ekor lembu tenusu.

Sebenarnya, kolam itu ialah 'air berubat' jenis Wisper 'V' bagi membunuh sebarang kuman atau bakteria yang melekat di tayar

kenderaan agar tidak menjangkiti ternakan lembu tenusu di kawasan Desa Dairy Farm.

Tinjauan penulis ke lokasi itu mendapati, ratusan pengunjung dari dalam dan luar negara yang kebanyakannya

dari China, Australia, Thailand, Jepun, Singapura, Semenanjung Malaysia berkunjung ke kawasan berkenaan sambil merakam gambar panorama dan memerhati ratusan ekor lembu meraug rumput di

kawasan yang dikawal selia petugas Desa Dairy Farm.

Selain menikmati suhu dingin dan nyaman, pengunjung juga berpeluang memerhati sistem dan kaedah memroses susu segar yang diperah

# PESONA DESA DAIRY FARM

Pusat ternakan lembu tenusu di tanah tinggi nyaman, panorama indah



**PROSES** memerah susu lembu dijalankan

**GELAGAT** petowei dari China memberi susu kepada anak lembu.

menggunakan mesin khas daripada lembu terpilih.

Ketika kunjungan, pengunjung berkumpulan dari Shanghai, China melahirkan rasa bertuah berpeluang melawat Desa Dairy Farm kerana suhu di kawasan itu sangat segar dan menyegarkan.

Pengunjung turut berpeluang menikmati minuman susu segar pelbagai perisa dari kaunter jualan bersebelahan pejabat pentadbiran.

"Saya suka datang sini sebab suhunya nyaman dan tempatnya sangat indah," kata pengunjung dari Singapura yang hanya mahu dikenali sebagai Leang Feng, 29, bersama serombongan 13 pelawat lain.

Pengunjung dari China pula gemar merakam gambar panorama Gunung Kinabalu sambil memerhati lembu dalam kurungan atau yang sedang meraug rumput, menunggang motosikal empat roda (ATV) dan ada yang berminat menyertai aktiviti paragliding secara 'tendum' di Pusat Paragliding Antarabangsa Delek Lohan, berhampiran Kompleks Sukan Ranau.